

KONSEP KETUHANAN DALAM SURAH AL-FATIAH DAN AL-KAFIRUN MENURUT IBN KATHIR DAN AL-RAZI

(DIVINITY IN SURAH AL-FATIAH AND AL-KAFIRUN ACCORDING TO IBN KATHIR AND AL-RAZI)

MUHEJI, M. M. M.^{1*} – AZIZ, N. A.¹

¹ *Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCED), University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: ufl240003[at]umcced.edu.my*

(Received 13th March 2026; revised 05th May 2026; accepted 16th May 2026)

Abstrak. Kajian ini menganalisis ayat-ayat ketuhanan dalam Surah al-Fatihah dan al-Kafirun melalui perbandingan antara dua karya tafsir utama iaitu Tafsir al-Quran al-Azim karya Ibn Kathir dan Mafatih al-Ghayb karya Fakhruddin al-Razi. Kedua-dua tokoh ini hidup dalam zaman yang berbeza dan membawa pendekatan metodologi yang berbeza, namun keduanya merupakan antara mufassir paling berpengaruh dalam tradisi keilmuan Islam. Fokus diberikan kepada tiga konsep utama ketuhanan iaitu rububiyah, uluhiyyah serta asma' wa sifat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks dan analisis komparatif terhadap sumber-sumber primer kedua-dua tafsir tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ibn Kathir menggunakan pendekatan tafsir bil-ma'thur yang bersandar kepada riwayat hadith dan kata-kata sahabat. Al-Razi pula menggunakan pendekatan tafsir bil-ra'yi yang menggabungkan analisis linguistik, hujah teologi Asy'ariyyah serta falsafah dalam memahami ayat-ayat tersebut. Walaupun kedua-dua mufassir berbeza dari sudut metodologi, mereka bersetuju bahawa kekuasaan Allah adalah mutlak dan penyembahan adalah hak eksklusif Allah semata-mata. Selain itu, kedua-duanya menegaskan bahawa *lakum dinukum wa liya din* merupakan pernyataan pemisahan akidah yang tegas, bukan pengiktirafan pluralisme agama. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif tentang kepelbagaian metodologi tafsir dalam tradisi keilmuan Islam serta relevansinya dalam wacana pengajian al-Quran kontemporari.

Katakunci: *tafsir komparatif, konsep ketuhanan, tafsir bil-ma'thur, metodologi tafsir, Surah al-Fatihah*

Abstract. This study analyses verses on divinity in Surah al-Fatihah and al-Kafirun through a comparative examination of two major works of Quranic exegesis, namely Tafsir al-Quran al-Azim by Ibn Kathir and Mafatih al-Ghayb by Fakhruddin al-Razi. Both scholars lived in different historical periods and adopted distinct methodological approaches, yet both remain among the most influential exegetes in the Islamic scholarly tradition. The focus is placed on three primary concepts of divinity namely rububiyah, uluhiyyah and asma' wa sifat. A qualitative approach is employed through textual analysis and comparative analysis of the primary sources of both exegetical works. The findings reveal that Ibn Kathir adopts the tafsir bil-ma'thur approach, relying on prophetic traditions and companions' statements. Al-Razi, on the other hand, employs the tafsir bil-ra'yi approach, integrating linguistic analysis, Ash'ari theological arguments and philosophical reasoning in understanding the selected verses. Despite their methodological differences, both exegetes agree that Allah's sovereignty is absolute and worship belongs exclusively to Allah alone. Furthermore, both affirm that *lakum dinukum wa liya din* constitutes a firm declaration of creedal separation rather than an endorsement of religious pluralism. This study contributes to a more comprehensive understanding of the diversity of exegetical methodologies within the Islamic scholarly tradition and their relevance to contemporary Quranic studies.

Keywords: *comparative exegesis, concept of divinity, tafsir bil-ma'thur, exegetical methodology, Surah al-Fatihah*

Pengenalan

Tradisi tafsir al-Quran merupakan antara khazanah intelektual paling kaya dalam sejarah peradaban Islam. Sejak zaman awal Islam hingga era kontemporari, para ulama tidak pernah berhenti menghasilkan karya-karya penafsiran yang mencerminkan kepelbagaian pendekatan, metodologi dan latar belakang keilmuan mereka. Kepelbagaian ini bukan sesuatu yang perlu ditakuti sebaliknya ia merupakan bukti keluasan dan kedalaman wahyu al-Quran itu sendiri (Syahrani et al., 2025; Rahayu dan Alwizar, 2024). Para ulama telah lama memahami bahawa perbezaan dalam tafsir yang berada dalam batasan metodologi yang sah dan sahih akan memperkayakan dan bukan melemahkan pemahaman umat terhadap kitab Allah. Dalam konteks ini, dua tokoh tafsir yang paling berpengaruh dalam tradisi keilmuan Islam ialah Ibn Kathir dan Fakhruddin al-Razi. Kedua-dua tokoh ini hidup dalam zaman yang berbeza, membawa pendekatan metodologi yang berbeza dan menghasilkan karya tafsir yang berbeza watak dan rohnyanya. Ibn Kathir melalui Tafsir al-Quran al-Azim menggunakan pendekatan tafsir bil-ma'thur yang bersandar kepada riwayat hadith, kata-kata sahabat dan ulama salaf (Al-Qaththan, 2006; Al-Dhahabi, 2005). Al-Razi pula melalui Mafatih al-Ghayb menggunakan pendekatan tafsir bil-ra'yi yang menggabungkan analisis linguistik, hujah teologi Asy'ariyyah serta falsafah dalam memahami wahyu (Maulida dan Bashori, 2024; Khalid, 2018). Perbezaan metodologi antara kedua-dua mufassir ini menjadikan perbandingan tafsir mereka sangat bernilai dari sudut akademik.

Kajian perbandingan antara dua mufassir yang berbeza metodologi telah menarik minat ramai sarjana kontemporari. Syahrani et al. (2025) dalam kajian mereka tentang metodologi tafsir mendapati bahawa perbezaan metodologi antara mufassir bukan sahaja mempengaruhi tafsiran sesebuah ayat, malah turut mencerminkan keperluan dan cabaran intelektual zaman masing-masing mufassir. Dapatan ini selari dengan pandangan Al-Dhahabi (2005) yang menegaskan bahawa memahami metodologi seseorang mufassir adalah prasyarat untuk memahami dan menilai tafsiran mereka secara adil dan tepat. Kajian ini memilih dua surah yang paling rapat dengan kehidupan seorang Muslim sebagai fokus analisis iaitu Surah al-Fatihah dan Surah al-Kafirun. Al-Fatihah dibaca sekurang-kurangnya tujuh belas kali sehari dalam solat fardhu dan ia merupakan surah yang paling kerap diulang dalam sejarah umat Islam. Al-Kafirun pula mengandungi pernyataan akidah yang paling tegas tentang penolakan terhadap syirik. Kedua-dua surah ini dipilih kerana mengandungi tiga konsep utama ketuhanan yang saling berkaitan iaitu rububiyyah, uluhiyyah serta asma' wa sifat (Ibnu Kasir, 2000; Al-Razi, 1862). Walaupun kajian tentang Ibn Kathir dan al-Razi secara berasingan sudah banyak dilakukan, kajian yang secara khusus membandingkan penafsiran kedua-duanya terhadap ayat-ayat ketuhanan dalam Surah al-Fatihah dan al-Kafirun secara bersepadu masih belum digarap secara mendalam. Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis persamaan dan perbezaan antara kedua-dua mufassir berdasarkan tiga paksi utama ketuhanan yang menjadi teras akidah Islam.

Pernyataan masalah dan objektif kajian

Kajian berkaitan tafsir al-Quran telah berkembang pesat dalam dekad terakhir. Namun kajian yang membandingkan pendekatan dua mufassir besar iaitu Ibn Kathir dan Fakhruddin al-Razi secara khusus terhadap ayat-ayat ketuhanan dalam Surah al-Fatihah dan al-Kafirun masih belum dijalankan secara komprehensif. Kebanyakan kajian sedia ada sama ada memfokus kepada satu mufassir sahaja atau membincangkan metodologi

tafsir secara umum tanpa menganalisis ayat-ayat tertentu secara mendalam (Syahrani et al., 2025; Rahayu dan Alwizar, 2024). Selain itu, terdapat salah faham berleluasa tentang tafsiran ayat *lakum dinukum wa liya din* dalam Surah al-Kafirun yang sering digunakan sebagai dalil pluralisme agama. Kajian yang menganalisis tafsiran kedua-dua mufassir secara bersepadu dapat memberikan jawapan yang lebih kukuh dan berasaskan sumber primer kepada salah faham tersebut (Ibnu Kasir, 2000; Al-Razi, 1862). Kajian ini mempunyai tiga objektif utama: (1) OK1: Menganalisis penafsiran Ibn Kathir dan Fakhruddin al-Razi terhadap ayat-ayat ketuhanan dalam Surah al-Fatihah dan al-Kafirun berdasarkan tiga konsep utama iaitu *rububiyah*, *uluhiyyah* serta *asma' wa sifat*. (2) OK2: Membandingkan persamaan dan perbezaan antara pendekatan tafsir *bil-ma'thur* Ibn Kathir dan pendekatan tafsir *bil-ra'yi* al-Razi dalam memahami ayat-ayat tersebut. (3) OK3: Menilai sumbangan dan relevansi kedua-dua pendekatan tafsir ini dalam wacana pengajian al-Quran kontemporari.

Sorotan literatur

Kajian berkaitan metodologi tafsir klasik

Perkembangan metodologi tafsir al-Quran telah melalui perjalanan panjang dalam sejarah intelektual Islam. Sarjana-sarjana seperti Syahrani et al. (2025), Rahayu dan Alwizar (2024), Al-Qaththan (2006) dan Al-Dhahabi (2005) secara kolektif menunjukkan bahawa dua aliran utama tafsir iaitu *bil-ma'thur* dan *bil-ra'yi* telah berkembang sebagai respons kepada keperluan zaman dan tantangan intelektual yang berbeza. Tafsir *bil-ma'thur* menjadi benteng kesetiaan kepada tradisi semasa dunia Islam menghadapi tekanan luar manakala tafsir *bil-ra'yi* muncul sebagai respons kepada cabaran falsafah dan teologi yang menuntut hujah yang kukuh dan bersistematik. Kedua-dua aliran ini bukan bertentangan tetapi saling melengkapi dalam membina pemahaman yang menyeluruh terhadap wahyu Allah. Perbezaan metodologi antara keduanya mencerminkan kekayaan tradisi intelektual Islam itu sendiri. Dalam konteks Malaysia pula, Haziyah dan Latifah (2013) mendapati bahawa perkembangan pengajian tafsir di rantau ini sangat dipengaruhi oleh tradisi tafsir klasik dari Timur Tengah termasuk karya-karya Ibn Kathir dan al-Razi. Abu Bakar et al. (2019) dalam kajian mereka tentang perkembangan penulisan tafsir tematik di Malaysia pula mendapati bahawa karya-karya tafsir tempatan umumnya bersandar kepada metodologi *bil-ma'thur* sebagai asas sebelum mengintegrasikan pendekatan kontemporari. Gabungan dua dapatan ini menunjukkan bahawa untuk memahami tradisi tafsir Malaysia secara mendalam, memahami metodologi Ibn Kathir dan al-Razi sebagai dua kutub utama metodologi tafsir adalah satu keperluan akademik yang tidak boleh diabaikan.

Kajian berkaitan Ibn Kathir dan metodologi tafsir bil-ma'thur

Ibn Kathir dan Tafsir al-Quran al-Azim telah menjadi tumpuan kajian akademik yang meluas. Al-Qaththan (2006) dan Al-Dhahabi (2005) secara bersepadu menjelaskan bahawa kekuatan pendekatan *bil-ma'thur* Ibn Kathir terletak pada kesetiaan beliau kepada hierarki sumber iaitu al-Quran menjelaskan al-Quran, diikuti hadith dan kemudian kata-kata sahabat. Kesatuan dua pandangan ini menunjukkan bahawa metodologi Ibn Kathir bukan sekadar pilihan peribadi tetapi merupakan prinsip ilmiah yang berakar dalam tradisi keilmuan Islam yang telah teruji selama berabad-abad. Walau bagaimanapun, Rahayu dan Alwizar (2024) menambah dimensi kritikal apabila mereka menunjukkan bahawa kekuatan tafsir *bil-ma'thur* dalam memelihara ketepatan

makna turut disertai had dalam menjawab persoalan-persoalan yang tidak secara langsung dinyatakan oleh nas. Ini membuka ruang bagi pendekatan bil-ra'yi untuk memainkan peranan yang saling melengkapi. Dalam konteks konsep ketuhanan khususnya, Mustaffa dan Ibrahim (2010) dalam kajian mereka yang diterbitkan dalam Jurnal Usuluddin tentang tafsiran konsep tauhid rububiyah, uluhiyyah dan asma' wa sifat mendapati bahawa mufassir-mufassir beraliran bil-ma'thur cenderung menetapkan riwayat yang jelas dalam menghurai sifat-sifat Allah iaitu tidak melampaui apa yang telah ditetapkan oleh nas. Dapatan ini sangat relevan untuk memahami bagaimana Ibn Kathir mendekati ayat-ayat ketuhanan dalam al-Fatihah dan al-Kafirun, iaitu dengan kesetiaan kepada riwayat tanpa banyak memasuki perbincangan falsafah atau teologi.

Kajian berkaitan Al-Razi dan metodologi tafsir bil-ra'yi

Berbeza dengan Ibn Kathir, al-Razi melalui Mafatih al-Ghayb mewakili tradisi tafsir yang mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu dalam memahami wahyu. Maulida dan Bashori (2024), Setiawan dan Romdoni (2022), Nurman dan Syafruddin (2021) serta Khalid (2018) secara kolektif membina gambaran yang jelas tentang keunikan metodologi al-Razi. Al-Razi menggunakan tafsir bil-ra'yi sebagai pelengkap kepada riwayat, bukan sebagai penggantinya. Hal ini jelas melalui penambahan lapisan analisis linguistik, teologi Asy'ariyyah dan falsafah di atas asas riwayat yang sedia ada. Ini menjelaskan mengapa tafsir al-Razi kelihatan jauh lebih panjang dan kompleks berbanding tafsir Ibn Kathir walaupun keduanya membahaskan ayat yang sama. Maulida dan Bashori (2024) mendapati bahawa al-Razi menggunakan Mafatih al-Ghayb sebagai projek intelektual untuk membuktikan keserasian antara akal dan wahyu, manakala Khalid (2018) menunjukkan secara khusus bagaimana projek ini dimanifestasikan dalam tafsiran al-Fatihah. Setiawan dan Romdoni (2022) pula menambah dimensi teknikal apabila mereka mengenal pasti manhaj-manhaj khusus yang digunakan oleh al-Razi. Apabila ketiga-tiga dapatan ini digabungkan, satu gambaran yang komprehensif terbina bahawa al-Razi bukan sekadar seorang mufassir tetapi seorang teolog dan ahli falsafah yang unggul. Beliau menggunakan tafsir sebagai medium untuk berdialog dengan cabaran intelektual zamannya secara kritis dan sistematik.

Kajian berkaitan konsep ketuhanan dalam al-fatihah dan al-kafirun

Kajian tentang konsep ketuhanan dalam al-Fatihah dan al-Kafirun telah menarik minat ramai sarjana. Mustaffa dan Ibrahim (2010) dalam kajian tentang tiga kategori tauhid iaitu rububiyah, uluhiyyah dan asma' wa sifat menjelaskan bahawa ketiga-tiga konsep ini adalah saling berkaitan dan tidak boleh difahami secara berasingan. Rububiyah adalah pengakuan terhadap kekuasaan penciptaan Allah, uluhiyyah adalah pengakuan terhadap hak eksklusif Allah untuk disembah, manakala asma' wa sifat adalah pemahaman tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah. Ketiga-tiga dimensi ini hadir serentak dalam al-Fatihah menjadikannya surah yang paling padat dengan kandungan ketuhanan dalam al-Quran. Kajian tentang al-Kafirun pula menunjukkan dimensi yang berbeza. Saifullah dan Hidayat (2023) serta Surahman et al. (2022) secara bersepadu menolak tafsiran pluralistik terhadap lakum dinukum wa liya din dan sebaliknya menegaskan bahawa ayat ini adalah pernyataan pemisahan akidah yang tegas. Sintesis kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa walaupun para pengkaji kontemporari berbeza latar belakang dan pendekatan, mereka bersetuju tentang mesej

teras surah al-Kafirun. Hal ini menguatkan relevansi kajian komparatif ini kerana kefahaman yang tepat tentang al-Kafirun memerlukan penelitian terhadap tafsir-tafsir yang berwibawa. Justeru, pemilihan Ibn Kathir dan al-Razi sebagai sumber utama kajian ini adalah tepat dan berasas.

Jurang kajian

Meskipun kajian-kajian di atas memberikan asas yang kukuh, beberapa jurang utama masih belum diisi. Kajian-kajian sedia ada tentang Ibn Kathir dan al-Razi cenderung mengkaji metodologi mereka secara umum tanpa meneliti secara khusus bagaimana perbezaan metodologi itu memanifestasikan dirinya dalam tafsiran ayat-ayat ketuhanan. Kajian tentang al-Fatihah dan al-Kafirun pula jarang dilakukan secara bersepadu walaupun kedua-dua surah ini berkongsi tema tauhid yang saling melengkapi. Selain itu, tiada kajian yang secara sistematik membandingkan tafsiran Ibn Kathir dan al-Razi terhadap tiga paksi tauhid iaitu rububiyah, uluhiyyah dan asma' wa sifat dalam kedua-dua surah tersebut secara serentak. Kajian ini berusaha mengisi jurang-jurang tersebut.

Latar belakang tokoh

Ibn Kathir dan Tafsir al-Quran al-Azim

Nama penuh Ibn Kathir ialah Ismail ibn Umar ibn Kathir al-Qurashi al-Busrawi al-Dimashqi. Beliau dilahirkan sekitar tahun 700H bersamaan 1301 Masihi di Mijdal berhampiran Busra di wilayah Damsyik, Syria dan meninggal dunia pada 774H bersamaan 1373 Masihi (Al-Dhahabi, 2005). Latar belakang keilmuan Ibn Kathir dibentuk oleh dua orang guru yang meninggalkan kesan mendalam ke atas pemikirannya. Al-Hafiz al-Mizzi iaitu Jamal al-Din Yusuf bin al-Zaki al-Mizzi seorang pakar hadith yang tersohor, menjadi gurunya sekaligus bapa mertuanya. Seorang lagi ialah Syaikhul Islam Ibn Taimiyyah yang menjadi kompas intelektual utama bagi Ibn Kathir sepanjang hayatnya (Al-Qaththan, 2006). Daripada Ibn Taimiyyah, Ibn Kathir mewarisi prinsip asas metodologi tafsirnya iaitu al-Quran paling tepat ditafsirkan oleh al-Quran sendiri, diikuti oleh hadith Nabi dan disempurnakan oleh kata-kata para sahabat (Al-Dhahabi, 2005; Ibnu Kasir, 2000). Tafsir al-Quran al-Azim atau lebih dikenali sebagai Tafsir Ibn Kathir adalah antara karya tafsir yang paling luas dibaca dalam sejarah Islam. Ia ditulis ayat demi ayat mengikut susunan mushaf dengan kaedah yang konsisten iaitu mencari ayat lain dalam al-Quran yang menjelaskan ayat yang dikaji, diikuti hadith Nabi yang berkaitan dan kemudian kata-kata para sahabat serta tabiin (Al-Qaththan, 2006; Ibnu Kasir, 2000). Ciri yang paling menonjol dalam tafsir ini ialah sikapnya yang sangat berhati-hati terhadap riwayat Israiliyyat. Ibn Kathir menyaring riwayat-riwayat yang bersumber dari tradisi Yahudi dan Kristian dengan ketat, menolak yang bercanggah dengan al-Quran dan hadith sahih (Al-Dhahabi, 2005). Rahayu dan Alwizar (2024) menjelaskan bahawa tafsir jenis ini iaitu tafsir bil-ma'thur merupakan metodologi yang membiarkan nas berbicara dengan membiarkan kekuatan riwayat itu sendiri menjadi hujah utama tanpa banyak memasukkan perbincangan falsafah atau teologi.

Fakhruddin al-Razi dan Mafatih al-Ghayb

Fakhruddin al-Razi lahir pada 25 Ramadhan 544H bersamaan 1149 Masihi di kota Rayy berhampiran Tehran, Iran. Nama penuhnya ialah Abu Abdullah Muhammad ibni

Umar ibn al-Husin al-Taimi al-Bakri al-Tabaristani dan beliau meninggal dunia di Herat, Afghanistan pada tahun 606H bersamaan 1209 Masihi (Maulida dan Bashori, 2024). Beliau mendapat didikan awal daripada ayahnya, Diya' al-Din Umar, khatib Rayy dan ulama mazhab Syafii yang terkemuka. Setelah itu, beliau meneruskan pengajian bersama Kamal al-Din al-Simnani dan Majd al-Din al-Jili di Maragha dalam bidang kalam dan falsafah. Setelah ayahnya meninggal dunia, al-Razi meneruskan pengajiannya dengan al-Simnani dan Majd al-Din al-Jili dalam bidang kalam dan hikmah (Khalid, 2018). Apa yang membezakan al-Razi daripada kebanyakan ulama tafsir sebelumnya ialah keluasan dunia intelektualnya. Beliau bukan sekadar seorang mufassir tetapi juga seorang teolog Asy'ariyyah yang fasih dengan karya-karya Aristotle, Plato, Ibn Sina serta al-Farabi (Maulida dan Bashori, 2024; Khalid, 2018). Mafatih al-Ghayb atau lebih dikenali sebagai Tafsir al-Kabir adalah sebuah ensiklopedia intelektual yang merentangi teologi, falsafah, linguistik, sains serta hukum dalam satu usaha yang padu untuk memahami al-Quran (Maulida dan Bashori, 2024). Setiawan dan Romdoni (2022) dalam kajian mereka mendapati bahawa al-Razi menggunakan sekurang-kurangnya sebelas manhaj khusus dalam penafsirannya termasuk penggunaan teologi Asy'ariyyah, dialog imaginari untuk menghilangkan salah faham serta analisis qiraat. Al-Razi menulis tafsir ini sebagai respons kepada cabaran pemikiran Yunani dan aliran Mu'tazilah yang sedang hangat pada zamannya. Beliau sebagai seorang Asy'ariyyah percaya bahawa akal dan wahyu perlu berdialog dan Mafatih al-Ghayb adalah gelanggang dialog itu (Nurman dan Syafruddin, 2021; Khalid, 2018). Pendekatan ini dinamakan tafsir bil-ra'yi iaitu tafsir yang menggunakan ijtihad akal yang berdisiplin dalam memahami wahyu (Syahrani et al., 2025; Rahayu dan Alwizar, 2024).

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan dua kaedah utama iaitu analisis teks dan analisis komparatif. Kedua-dua kaedah ini dipilih kerana paling sesuai untuk mengkaji karya tafsir yang bersifat teks, bahasa dan pemikiran (Syahrani et al., 2025; Al-Qaththan, 2006). Analisis teks (textual analysis) dijalankan terhadap dua sumber primer kajian iaitu Tafsir al-Quran al-Azim karya Ibn Kathir (Ibnu Kasir, 2000) dan Mafatih al-Ghayb karya Fakhruddin al-Razi (Al-Razi, 1862). Melalui kaedah ini, pengkaji membaca dan meneliti secara langsung huraian kedua-dua mufassir terhadap ayat-ayat terpilih dalam Surah al-Fatihah dan al-Kafirun. Tumpuan diberikan kepada pemilihan kata, struktur hujah, penggunaan riwayat serta cara setiap mufassir menghubungkan teks al-Quran dengan kerangka metodologi mereka masing-masing. Analisis komparatif (comparative analysis) atau muqaranah pula digunakan untuk membandingkan penafsiran kedua-dua tokoh secara sistematik. Perbandingan dilakukan berdasarkan tiga paksi utama iaitu konsep rububiyyah, konsep uluhiyyah serta konsep asma' wa sifat. Melalui perbandingan ini, persamaan dan perbezaan antara pendekatan tafsir bil-ma'thur Ibn Kathir dan pendekatan tafsir bil-ra'yi al-Razi dapat dikenal pasti dan dinilai dengan lebih jelas (Rahayu dan Alwizar, 2024; Al-Dhahabi, 2005). Sumber-sumber yang dirujuk dalam kajian ini terdiri daripada dua kategori. Sumber primer ialah Tafsir al-Quran al-Azim (Ibnu Kasir, 2000) dan Mafatih al-Ghayb (Al-Razi, 1862). Sumber sekunder pula merangkumi kajian-kajian akademik berkaitan metodologi tafsir Ibn Kathir dan al-Razi, buku-buku ilmu tafsir serta artikel jurnal yang relevan. Sumber klasik dirujuk tanpa batasan tempoh bagi memastikan ketepatan analisis tafsir,

manakala sumber kontemporari memberi keutamaan kepada penerbitan terkini dalam pangkalan data akademik yang berindeks.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Penafsiran Ibn Kathir: Surah al-Fatihah

Ibn Kathir memulakan penafsirannya terhadap Surah al-Fatihah dengan menegaskan kedudukan tinggi surah ini dalam al-Quran. Beliau mencatat bahawa Rasulullah SAW menyebut al-Fatihah sebagai Umm al-Quran, Umm al-Kitab dan al-Sab' al-Mathani iaitu tujuh ayat yang berulang-ulang (Ibnu Kasir, 2000). Ini menunjukkan bahawa al-Fatihah bukan sekadar surah pembuka tetapi merangkumi teras kepada keseluruhan mesej al-Quran. Dalam menjelaskan Bismillah al-Rahman al-Rahim Ibn Kathir menyandar kepada hadith dan riwayat para sahabat. Baginya nama Allah adalah nama yang paling agung kerana ia adalah nama khas yang tidak digunakan untuk selain daripada-Nya. Perbezaan antara al-Rahman dan al-Rahim dijelaskan melalui riwayat iaitu al-Rahman adalah yang Maha Penyayang di dunia dan akhirat manakala al-Rahim adalah yang Maha Penyayang khusus kepada orang-orang beriman di akhirat (Al-Dhahabi, 2005; Ibnu Kasir, 2000). Dalam menjelaskan Rabb al-'alamin Ibn Kathir membawa pelbagai pandangan ulama tentang maksud al-'alamin sama ada terhadap kepada makhluk berakal atau merangkumi semua ciptaan Allah. Beliau tidak memaksakan satu tafsiran tunggal tetapi membiarkan kekuatan riwayat berbicara sendiri (Ibnu Kasir, 2000). Dalam menjelaskan Maliki yawm al-din pula Ibn Kathir membincangkan perbezaan qiraat antara Maliki yang bermaksud pemilik dan raja dengan Maliki yang bermaksud raja sahaja. Beliau membawa hadith tentang hari kiamat apabila Allah berfirman liman al-mulk al-yawm untuk menguatkan hujah tentang kekuasaan mutlak Allah pada hari pembalasan (Ibnu Kasir, 2000). Ayat *ayyaka na'budu wa ayyaka nasta'in* ditafsirkan oleh Ibn Kathir sebagai puncak pengakuan tauhid dalam al-Fatihah. Beliau melihat peralihan dari bentuk orang ketiga kepada bentuk orang kedua iaitu iltifat sebagai tanda bahawa seorang hamba yang telah memuji Allah akan sampai kepada satu titik di mana ia tidak lagi bercakap tentang Allah tetapi bercakap dengan Allah. Inilah pengakuan bahawa hanya Allah yang berhak disembah dan hanya kepada Allah sahaja pertolongan dipohon (Rahayu dan Alwizar, 2024; Ibnu Kasir, 2000).

Surah al-Kafirun

Ibn Kathir menjelaskan bahawa Surah al-Kafirun diturunkan sebagai respons kepada tawaran pemimpin-pemimpin Quraisy yang mencadangkan agar Nabi SAW menyembah tuhan-tuhan mereka selama setahun sebagai pertukaran mereka menyembah Allah selama setahun. Allah menurunkan surah ini sebagai jawapan yang tidak meninggalkan sebarang ruang untuk rundingan (Ibnu Kasir, 2000). Ibn Kathir menjelaskan bahawa pengulangan dalam ayat-ayat al-Kafirun bukan sia-sia. Ayat kedua menafikan penyembahan pada masa kini manakala ayat keempat menafikannya pada masa hadapan dan secara prinsip. Ia seperti seseorang yang berkata aku tidak melakukan ini dan aku tidak akan melakukannya iaitu dua pernyataan yang berbeza walaupun membawa nada yang serupa (Ibnu Kasir, 2000). Tentang ayat terakhir *lakum dinukum wa liya din* Ibn Kathir sangat jelas bahawa ini bukan pernyataan toleransi dalam erti kata moden. Merujuk kepada riwayat al-Bukhari beliau menjelaskan bahawa

dinukum merujuk kepada kekufuran dan dini merujuk kepada Islam. Ia adalah pernyataan pemisahan yang tegas dan muktamad antara akidah yang hak dengan akidah yang batil (Al-Dhahabi, 2005; Ibnu Kasir, 2000).

Penafsiran Al-Razi: Surah al-Fatihah

Al-Razi mendekati Surah al-Fatihah dengan cara yang berbeza daripada Ibn Kathir. Setiap ayat dijadikan pintu kepada soalan yang lebih dalam dan setiap perkataan diteliti dari sudut linguistik dan teologi (Khalid, 2018; Al-Razi, 1862). Dalam menjelaskan Bismillah al-Rahman al-Rahim al-Razi tidak sekadar bertanya apa makna al-Rahman dan al-Rahim. Beliau bertanya mengapa Allah memilih untuk memulakan al-Quran dengan dua nama yang berpunca daripada satu akar kata yang sama iaitu al-rahmah. Al-Razi berpendapat bahawa al-Rahman menunjukkan sifat kasih sayang yang menyeluruh kepada seluruh makhluk tanpa pengecualian manakala al-Rahim pula menunjukkan kasih sayang yang lebih khusus dan mendalam. Dengan membuka kitab-Nya menggunakan kedua-dua nama ini Allah menegaskan bahawa hubungan-Nya dengan manusia diasaskan di atas belas kasihan bukan di atas ketakutan semata-mata (Maulida dan Bashori, 2024; Al-Razi, 1862). Dalam menghurai Rabb al-'alamin al-Razi membuka perbincangan dengan soalan yang tidak pernah terlintas dalam fikiran kebanyakan pembaca iaitu mengapa ayat ini menggunakan al-hamd iaitu pujian dan bukan al-shukr iaitu kesyukuran. Bagi al-Razi al-hamd adalah lebih luas daripada al-shukr kerana pujian boleh diberikan kepada seseorang kerana sifat-sifatnya yang mulia walaupun orang yang memuji tidak mendapat manfaat daripadanya. Dengan menggunakan al-hamd Allah mengajar manusia bahawa Dia layak dipuji bukan hanya kerana nikmat yang Dia berikan tetapi kerana keagungan sifat-sifat-Nya itu sendiri (Khalid, 2018; Al-Razi, 1862). Tentang Maliki yawm al-din al-Razi mengembangkan perbincangan ke dalam kerangka teologi tentang keadilan Ilahi. Bagi al-Razi kewujudan hari pembalasan adalah keperluan akal yang menuntut bahawa keadilan mesti ditegakkan kerana dunia ini penuh dengan ketidakadilan yang tidak diselesaikan. Konsep Maliki yawm al-din bukan sekadar pernyataan iman tetapi pernyataan tentang keadilan kosmik yang akal pun dapat memahami keperluannya (Setiawan dan Romdoni, 2022; Al-Razi, 1862). Dalam menghurai iyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in al-Razi membuka perbincangan tentang mengapa perkataan iyyaka didahulukan sebelum na'budu. Dalam nahu Arab mendahulukan objek sebelum kata kerja membawa makna pengkhususan. Ia bermaksud hanya kepada Engkau bukan kepada yang lain. Al-Razi berpendapat bahawa susunan ini adalah pilihan yang disengajakan untuk menegaskan eksklusiviti penyembahan kepada Allah (Khalid, 2018; Al-Razi, 1862).

Surah al-Kafirun

Al-Razi menerima riwayat asbabun nuzul tentang tawaran Quraisy kepada Nabi SAW tetapi menggunakannya sebagai titik tolak kepada perbincangan yang lebih luas. Bagi al-Razi tawaran Quraisy itu begitu berbahaya kerana akidah bukan sesuatu yang boleh dicampurkan atau dikongsi. Ia adalah urusan antara hamba dan Tuhannya dan dalam urusan itu tiada kompromi yang mungkin (Nurman dan Syafruddin, 2021; Al-Razi, 1862). Tentang pengulangan dalam surah al-Kafirun al-Razi mendekatinya dengan cara yang lebih mendalam. Baginya perbezaan antara ayat kedua dan keempat bukan sekadar antara masa kini dan masa hadapan. Ia adalah perbezaan antara dua jenis penolakan iaitu ayat kedua menafikan penyembahan dari sudut objeknya manakala ayat

keempat menafikan penyembahan dari sudut caranya. Ini adalah dua lapisan penolakan yang berbeza dan kedua-duanya perlu untuk melengkapkan pemisahan akidah yang mutlak (Al-Razi, 1862). Al-Razi menutup penghuraiannya tentang al-Kafirun dengan menjelaskan bahawa surah ini bersama al-Ikhlâs berkongsi satu misi yang sama iaitu membersihkan hati daripada segala yang selain Allah. Al-Kafirun melakukannya dengan cara berpaling dari segala selain Allah manakala al-Ikhlâs melakukannya dengan cara menumpukan sepenuhnya kepada Allah (Maulida dan Bashori, 2024; Al-Razi, 1862).

Perbandingan penafsiran Ibn Kathir dan Al-Razi

Walaupun Ibn Kathir dan al-Razi berbeza dari sudut metodologi, beberapa persamaan penting dapat dikenal pasti. Keduanya menegaskan bahawa kekuasaan Allah adalah mutlak dan penyembahan adalah hak eksklusif Allah semata-mata. Keduanya juga menolak tafsiran pluralistik terhadap lakum dinukum wa liya din dan menegaskan bahawa surah al-Kafirun adalah pernyataan pemisahan akidah yang tegas. Mustaffa dan Ibrahim (2010) menjelaskan bahawa persetujuan antara mufasss bil-ma'thur dan bil-ra'yi pada perkara-perkara asas seperti ini adalah bukti kukuhnya landasan akidah Islam yang tidak berganjak walaupun metodologi tafsir berbeza. Perbezaan antara keduanya terletak pada kedalaman dan cara perbincangan. Ibn Kathir berhenti apabila riwayat memberikan jawapan yang mencukupi manakala al-Razi meneruskan perbahasan ke peringkat falsafah dan teologi yang lebih mendalam. Haziyah dan Latifah (2013) menjelaskan bahawa kepelbagaian cara dalam memahami ayat-ayat al-Quran adalah cerminan kematangan tradisi intelektual Islam. Syahrani et al. (2025) serta Rahayu dan Alwizar (2024) secara bersepadu mengesahkan bahawa kedua-dua pendekatan ini bukan bertentangan tetapi saling melengkapi dalam membina pemahaman yang menyeluruh terhadap wahyu Allah (*Jadual 1*).

Jadual 1. Perbandingan penafsiran Ibn Kathir dan Al-Razi.

Aspek	Ibn Kathir	Al-Razi
Pendekatan utama	Tafsir bil-ma'thur-riwayat dan hadith	Tafsir bil-ra'yi-linguistik dan teologi
Cara menjelaskan nama Allah	Melalui riwayat dan hadith sahabat	Melalui analisis linguistik dan falsafah
Tafsiran Rabb al-'alamin	Membawa pandangan ulama tanpa memaksakan satu tafsiran	Mempersoalkan pilihan perkataan dan implikasi teologinya
Tafsiran Maliki yawm al-din	Dikuatkan dengan hadith tentang hari kiamat	Dikaitkan dengan keadilan kosmik melalui hujah akal
Tafsiran iyyaka na'budu	Pengakuan tauhid melalui iltifat	Pengkhususan penyembahan melalui analisis nahu
Tafsiran pengulangan al-Kafirun	Perbezaan masa kini dan masa hadapan	Perbezaan objek dan cara penyembahan
Tafsiran lakum dinukum wa liya din	Pemisahan akidah berdasarkan riwayat al-Bukhari	Pemisahan cara hidup melalui analisis semantik

Kepelbagaian metodologi tafsir sebagai kekayaan intelektual Islam

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa perbezaan metodologi antara Ibn Kathir dan al-Razi bukan sesuatu yang perlu dibimbangkan. Sebaliknya ia merupakan cerminan kekayaan tradisi intelektual Islam yang telah berkembang selama berabad-abad. Syahrani et al. (2025) dan Rahayu dan Alwizar (2024) menjelaskan bahawa tafsir bil-ma'thur dan tafsir bil-ra'yi adalah dua pendekatan yang saling melengkapi. Kajian ini mengesahkan pandangan tersebut apabila didapati bahawa Ibn Kathir dan al-Razi walaupun menggunakan jalan yang berbeza sampai kepada kesimpulan yang sama tentang perkara-perkara asas akidah. Kedua-duanya menegaskan keesaan Allah, eksklusiviti penyembahan dan penolakan pluralisme agama. Al-Qaththan (2006) dan

Al-Dhahabi (2005) menjelaskan bahawa kedua-dua aliran ini muncul sebagai respons kepada keperluan zaman yang berbeza. Ibn Kathir hidup selepas serangan Mongol yang memusnahkan tamadun Islam. Dalam keadaan itu kesetiaan kepada tradisi adalah keperluan mendesak. Al-Razi pula hidup dalam zaman perdebatan intelektual yang sengit antara aliran-aliran teologi. Dalam keadaan itu hujah yang kukuh adalah keperluan utama. Memahami konteks ini adalah penting untuk menilai karya kedua-dua tokoh secara adil (Maulida dan Bashori, 2024; Khalid, 2018).

Sumbangan Ibn Kathir dalam memahami ayat-Ayat ketuhanan

Kajian ini mendapati bahawa pendekatan bil-ma'thur Ibn Kathir memberikan sumbangan yang unik dan tidak ternilai. Kesetiaan beliau kepada hierarki sumber iaitu al-Quran menjelaskan al-Quran, diikuti hadith dan kemudian kata-kata sahabat memastikan bahawa tafsiran tidak menyimpang daripada maksud asal wahyu (Al-Dhahabi, 2005; Ibnu Kasir, 2000). Sikap berhati-hati terhadap riwayat Israiliyyat turut memastikan kebersihan sumber tafsir daripada pengaruh luar yang boleh mengelirukan. Gaya penulisan beliau yang jelas dan langsung pula menjadikan tafsirnya mudah difahami oleh pembaca dari pelbagai peringkat keilmuan. Mustaffa dan Ibrahim (2010) menjelaskan bahawa mufassir beraliran bil-ma'thur memainkan peranan penting sebagai penjaga kesahihan makna ayat-ayat ketuhanan. Tanpa kesetiaan kepada riwayat terdapat risiko bahawa tafsiran ayat-ayat tauhid akan terpesong ke arah yang tidak dikehendaki oleh wahyu. Haziyyah dan Latifah (2013) turut mengesahkan bahawa pengaruh Tafsir Ibn Kathir yang meluas di rantau Nusantara membuktikan betapa besar sumbangan pendekatan bil-ma'thur dalam membentuk pemahaman akidah umat Islam di rantau ini.

Sumbangan Al-Razi dalam memahami ayat-ayat ketuhanan

Pendekatan bil-ra'yi al-Razi pula memberikan dimensi pemahaman yang berbeza namun tidak kurang pentingnya. Maulida dan Bashori (2024) menjelaskan bahawa Mafatih al-Ghayb adalah projek intelektual yang membuktikan Islam adalah agama yang tidak takut kepada soalan dan cabaran intelektual. Setiawan dan Romdoni (2022) dan Nurman dan Syafruddin (2021) secara bersepadu menunjukkan bahawa manhaj khusus al-Razi menghasilkan lapisan-lapisan makna yang tidak ditemui dalam tafsir-tafsir beraliran riwayat. Analisis al-Razi tentang mengapa iyyaka didahulukan sebelum na'budu dalam al-Fatihah misalnya membuka dimensi pemahaman tentang eksklusiviti penyembahan yang tidak akan terjangkau oleh pembaca tafsir riwayat semata-mata. Tafsiran beliau tentang dua lapisan penolakan dalam al-Kafirun iaitu penolakan objek dan penolakan cara penyembahan turut memberikan kedalaman yang sangat bernilai. Khalid (2018) mengesahkan bahawa pendekatan kritis al-Razi ini adalah antara ciri paling menonjol yang membezakan Mafatih al-Ghayb daripada karya tafsir yang lain.

Relevansi dapatan dalam konteks kontemporari

Dapatan kajian ini mempunyai relevansi yang signifikan dalam konteks pengajian al-Quran kontemporari khususnya di Malaysia dan rantau Nusantara. Abu Bakar et al. (2019) mendapati bahawa perkembangan penulisan tafsir di Malaysia umumnya bersandar kepada metodologi bil-ma'thur sebagai asas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengintegrasian pendekatan bil-ra'yi sebagaimana yang dicontohkan oleh al-Razi berpotensi memperkayakan lagi tradisi tafsir tempatan. Nasir et al. (2023) turut mengesahkan bahawa kajian tafsir di Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih

pelbagai untuk menangani persoalan-persoalan akidah kontemporari yang semakin kompleks. Kajian ini juga relevan dalam menangani salah faham tentang ayat lakum dinukum wa liya din. Ayat ini sering disalahgunakan untuk menyokong pluralisme agama. Surahman et al. (2022) mengesahkan bahawa tafsiran yang betul tentang ayat ini memerlukan penelitian terhadap sumber-sumber tafsir yang berwibawa. Kajian perbandingan ini menunjukkan bahawa Ibn Kathir dan al-Razi walaupun berbeza metodologi bersetuju sepenuhnya bahawa ayat tersebut adalah pernyataan pemisahan akidah yang tegas. Persetujuan antara dua mufassir yang berbeza metodologi ini menguatkan lagi kesahihan tafsiran tersebut.

Implikasi kepada pengajian tafsir

Kajian ini membawa beberapa implikasi penting kepada bidang pengajian tafsir. Kajian komparatif antara mufassir yang berbeza metodologi perlu diperbanyakkan kerana ia menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh berbanding mengkaji satu mufassir sahaja. Karya-karya tafsir klasik seperti Tafsir Ibn Kathir dan Mafatih al-Ghayb juga masih sangat relevan untuk dijadikan rujukan dalam menangani isu-isu akidah kontemporari. Pengajaran tafsir di institusi pendidikan Islam pula perlu memperkenalkan kepelbagaian metodologi tafsir kepada pelajar supaya mereka dapat menghargai kekayaan tradisi intelektual Islam (Haziyyah dan Latifah, 2013; Mustaffa dan Ibrahim, 2010).

Implikasi teoretikal

Kajian ini memberi beberapa sumbangan penting kepada bidang pengajian tafsir. Kajian ini membuktikan bahawa analisis komparatif antara dua mufassir yang berbeza metodologi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang ayat-ayat al-Quran berbanding mengkaji satu mufassir sahaja. Dapatan ini menyokong pandangan Syahrani et al. (2025) dan Rahayu dan Alwizar (2024) yang menegaskan bahawa tafsir bil-ma'thur dan tafsir bil-ra'yi adalah dua pendekatan yang saling melengkapi dalam membina pemahaman yang menyeluruh terhadap wahyu Allah. Kajian ini turut membuktikan bahawa karya-karya tafsir klasik seperti Tafsir Ibn Kathir dan Mafatih al-Ghayb masih sangat relevan dalam konteks akademik kontemporari. Kedua-dua karya ini bukan sahaja bernilai dari sudut sejarah tetapi mengandungi kedalaman analisis yang masih belum diterokai sepenuhnya oleh pengkaji moden. Haziyyah dan Latifah (2013) dan Mustaffa dan Ibrahim (2010) mengesahkan bahawa kajian yang menggali khazanah tafsir klasik dan menghubungkannya dengan keperluan semasa adalah sumbangan yang signifikan kepada bidang pengajian Islam. Kajian ini juga menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat tentang konsep-konsep ketuhanan dalam al-Fatihah dan al-Kafirun. Persetujuan antara Ibn Kathir dan al-Razi walaupun berbeza metodologi dalam menolak tafsiran pluralistik terhadap lakum dinukum wa liya din memberikan hujah yang lebih kukuh dan berwibawa dalam wacana akidah kontemporari (Ibnu Kasir, 2000; Al-Razi, 1862).

Implikasi praktikal

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting kepada beberapa kelompok. Bagi pengajar dan pendidik di institusi pengajian Islam, kajian ini menunjukkan kepentingan memperkenalkan kepelbagaian metodologi tafsir kepada pelajar. Pendedahan kepada pendekatan bil-ma'thur dan bil-ra'yi secara bersama akan

membantu pelajar menghargai kekayaan tradisi intelektual Islam dan mengembangkan pemikiran kritis dalam memahami al-Quran (Nasir et al., 2023; Abu Bakar et al., 2019). Bagi penggubal kurikulum pula, dapatan kajian ini boleh dijadikan asas dalam memperkukuhkan pengajian metodologi tafsir di peringkat universiti. Kajian sarjana tempatan seperti Mohammed Zabidi dan Wan Abdullah (2019) dan Abu Bakar et al. (2019) menunjukkan bahawa minat terhadap pengajian tafsir klasik khususnya metodologi al-Razi semakin berkembang dalam kalangan pengkaji Malaysia. Ahmad et al. (2024) dalam kajian mereka tentang tafsir Surah al-Kafirun turut mengesahkan bahawa kajian tafsir yang menggabungkan pendekatan klasik dengan konteks kontemporari masih sangat diperlukan. Justeru, pengintegrasian kajian tafsir komparatif secara lebih sistematik dalam kurikulum pengajian Islam berpotensi memperkayakan lagi tradisi keilmuan tafsir tempatan. Bagi masyarakat umum pula, dapatan kajian ini dapat membantu menangani salah faham tentang ayat-ayat tertentu dalam al-Quran khususnya ayat *lakum dinukum wa liya din*. Surahman et al. (2022) mengesahkan bahawa pemahaman yang tepat tentang ayat-ayat akidah memerlukan rujukan kepada tafsir-tafsir yang berwibawa. Kajian ini membuktikan bahawa kedua-dua Ibn Kathir dan al-Razi memberikan tafsiran yang jelas dan tegas dalam hal ini, menjadikannya rujukan yang kukuh untuk menangani isu salah faham akidah dalam masyarakat.

Cadangan kajian lanjutan

Kajian ini membuka beberapa ruang kajian lanjut yang signifikan. Kajian ini hanya memfokus kepada dua surah iaitu al-Fatihah dan al-Kafirun. Kajian akan datang boleh memperluaskan skop analisis kepada surah-surah lain yang kaya dengan ayat-ayat ketuhanan seperti Surah al-Ikhlash, Surah al-Baqarah dan Surah al-Hasyr. Perluasan skop ini berpotensi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pendekatan kedua-dua mufassir dalam menghurai konsep ketuhanan Islam. Kajian ini juga hanya melibatkan dua mufassir sahaja. Kajian akan datang boleh memperluaskan perbandingan kepada mufassir lain seperti Al-Tabari, Al-Zamakhshari dan Al-Qurtubi. Abu Bakar dan Hussin (2024) mengesahkan bahawa prospek penyelidikan tafsir di Malaysia masih sangat luas dan memerlukan kajian yang lebih pelbagai dari sudut metodologi dan tokoh yang dikaji. Perluasan perbandingan ini berpotensi menghasilkan gambaran yang lebih komprehensif tentang kepelbagaian metodologi tafsir dalam tradisi keilmuan Islam. Kajian empirikal juga diperlukan sebagai kesinambungan kepada kajian deskriptif-analitik ini. Nasir et al. (2023) mengesahkan bahawa kajian tafsir di Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih pelbagai untuk menangani persoalan-persoalan akidah kontemporari yang semakin kompleks. Kajian tinjauan atau kajian kes tentang kesan pengajaran tafsir komparatif terhadap pemahaman akidah pelajar di institusi pengajian Islam boleh dilakukan bagi menilai impak praktikal dapatan kajian ini.

Kesimpulan

Kajian ini telah menganalisis ayat-ayat ketuhanan dalam Surah al-Fatihah dan al-Kafirun melalui perbandingan penafsiran Ibn Kathir dan Fakhruddin al-Razi. Analisis yang dilakukan merentasi tiga konsep utama iaitu *rububiyah*, *uluhiyyah* dan *asma'* wa sifat telah mendedahkan bagaimana dua mufassir yang berbeza zaman, latar belakang dan metodologi mendekati teks yang sama dengan cara yang berbeza namun sampai kepada kesimpulan akidah yang sama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ibn Kathir

melalui pendekatan tafsir bil-ma'thur mengajarkan nilai kesetiaan kepada riwayat dan nas. Kekuatan tafsirnya terletak bukan pada kecanggihan hujah falsafah tetapi pada kejernihan dan kesetiaan kepada sumber yang sahih (Al-Dhahabi, 2005; Ibnu Kasir, 2000). Al-Razi pula melalui pendekatan tafsir bil-ra'yi memperlihatkan keberanian intelektual yang luar biasa. Beliau membuktikan bahawa Islam tidak takut kepada soalan, tidak takut kepada akal dan tidak takut kepada cabaran falsafah kerana wahyu yang datang dari Allah cukup dalam untuk menghadapi semua itu (Maulida dan Bashori, 2024; Khalid, 2018). Persamaan antara kedua-dua mufassir ini pada perkara-perkara asas akidah adalah dapatan yang paling signifikan dalam kajian ini. Keduanya menegaskan bahawa kekuasaan Allah adalah mutlak, penyembahan adalah hak eksklusif Allah dan lakum dinukum wa liya din adalah pernyataan pemisahan akidah yang tegas bukan pengiktirafan pluralisme agama. Persetujuan ini walaupun dicapai melalui jalan metodologi yang berbeza menunjukkan bahawa landasan akidah Islam adalah kukuh dan tidak berganjak (Mustaffa dan Ibrahim, 2010; Ibnu Kasir, 2000; Al-Razi, 1862).

Pemilihan Surah al-Fatihah dan al-Kafirun sebagai fokus kajian ini bukan secara rawak. Al-Fatihah mengajarkan siapa Allah iaitu Tuhan semesta alam, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta Raja di hari pembalasan. Al-Kafirun pula mengajarkan bagaimana seorang mukmin berdiri di hadapan hakikat itu iaitu dengan pendirian yang tidak berganjak dan pengakuan yang tidak boleh ditawar. Kedua-dua surah ini bersama-sama membentuk satu gambaran yang lengkap tentang hubungan antara manusia dan Tuhannya (Surahman et al., 2022; Al-Dhahabi, 2005). Kajian ini membuktikan bahawa perbezaan dalam metodologi tafsir bukan sesuatu yang perlu dibimbangkan. Sepanjang sejarah tradisi tafsir Islam perbezaan itu telah memperkayakan dan bukan melemahkan pemahaman umat terhadap wahyu Allah (Syahrani et al., 2025; Rahayu dan Alwizar, 2024). Pendekatan bil-ma'thur Ibn Kathir memberikan akar yang kukuh manakala pendekatan bil-ra'yi al-Razi memberikan kedalaman yang tidak ternilai. Kedua-duanya diperlukan untuk menghasilkan pemahaman yang menyeluruh tentang wahyu Allah. Sumbangan kajian ini terletak pada tiga perkara utama. Kajian ini mengesahkan bahawa analisis komparatif antara dua mufassir yang berbeza metodologi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh. Kajian ini juga membuktikan relevansi karya-karya tafsir klasik dalam menangani isu-isu akidah kontemporari khususnya salah faham tentang lakum dinukum wa liya din. Selain itu kajian ini membuka ruang kajian lanjut yang signifikan dalam bidang tafsir komparatif di Malaysia dan rantau Nusantara (Abu Bakar dan Hussin, 2024; Nasir et al., 2023).

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang melibatkan mana-mana pihak dalam pelaksanaan, analisis dan pelaporan kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abu Bakar, S., Hussin, H. (2024): Prospek penyelidikan tafsir mawdu'i di Malaysia. – Jurnal Pengajian Islam 17(2): 72-86.
- [2] Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W.N. (2019): Analisis perkembangan penulisan tafsir mawdu'i di Malaysia. – Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues 4(2): 142-153.
- [3] Ahmad, Z.A.S., Abu Bakar, S., Rozani, M.A.S. (2024): Peranan buku tafsir Quran untuk kanak-kanak bergambar dalam memupuk toleransi beragama dan keharmonian sosial: Analisis terhadap Surah al-Kafirun. – Jurnal Pengajian Islam 17(2): 126-139.
- [4] Al-Dhahabi, M.H. (2005): Al-Tafsir wa al-Mufasssirun. – Dar al-Hadith, Kaherah 1432p.
- [5] Al-Qaththan, M.K. (2006): Pengantar studi ilmu Al-Quran (Terjemahan Mabahith fi 'Ulum al-Quran). – Pustaka Al-Kautsar, Jakarta 468p.
- [6] Al-Razi, F.D. (1862): Mafatih al-Ghayb. – Al-Matba'ah al-Misriyah al-'Amiriyah, Kaherah 722p.
- [7] Haziyah, H., Latifah, A.M. (2013): Early development of Quranic exegesis in Malaysia. – International Journal of Asian Social Science 3(8): 1732-1744.
- [8] Ibnu Kasir, A.I.I. (2000): Tafsir Ibnu Kasir: Juz 1-Al-Fatihah-Al-Baqarah. – Sinar Baru Algensindo, Bandung 438p.
- [9] Khalid, A.S. (2018): Metodologi tafsir Fakhru al-Din al-Razi: Telaah tafsir QS. al-Fatihah dalam Mafatih al-Ghayb. – Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir 3(01): 97-115.
- [10] Maulida, H., Bashori (2024): Kajian kitab tafsir Mafatih al-Ghaib karya Fakhruddin al-Razi. – JIQSI: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Studi Islam 2(2): 121-140.
- [11] Mohammed Zabidi, A.F., Wan Abdullah, W.N. (2019): Manhaj lataif dalam tafsir Imam al-Razi. – Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies 41(2): 51-59.
- [12] Mustaffa, A., Ibrahim, A.Z. (2010): Tawhid uluhiyyah, rububiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat menurut tafsiran Muhammad Rasyid Rida dalam Tafsir al-Manar. – Jurnal Usuluddin 31: 49-64.
- [13] Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M.N., Qadafy, M.Z. (2023): Kajian tafsir tematik di Malaysia: Sorotan literatur tahun 2019 sehingga 2023. – Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues 8(2): 1132-1145.
- [14] Nurman, M., Syafruddin, S. (2021): Menakar nilai kritis Fakruddin al-Razi dalam tafsir Mafatih al-Ghayb. – Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir 6(1): 53-80.
- [15] Rahayu, T., Alwizar. (2024): Relevansi sumber tafsir al-Qur'an: Perspektif tafsir bi al-ma'tsur, bi ar-ra'yi, dan bi al-isyari. – Hamalatul Qur'an: Jurnal Ilmu-Ilmu Al-Qur'an 5(2): 568-580.
- [16] Saifullah, S., Hidayat, A. (2023): Mereaktualisasi kebebasan beragama dalam al-Qur'an Surah al-Kafirun ayat 6 dalam konteks pluralitas Indonesia. – Hanifiya: Jurnal Studi Agama-Agama 6(2): 105-114.
- [17] Setiawan, T., Romdoni, M.P. (2022): Analisis manhaj khusus dalam tafsir Mafatih al-Ghaib karya al-Razi. – Jurnal Iman dan Spiritualitas 2(1): 49-60.
- [18] Surahman, C., Sunarya, B., Yuniartin, T. (2022): Konsep toleransi dalam Alquran: Studi atas QS. Al-Kafirun dan implikasinya terhadap pembelajaran PAI di sekolah. – Humanika 22(2): 147-162.
- [19] Syahrani, A.P., Alwizar, Yusuf, K.M. (2025): Tafsir ditinjau dari sumbernya: Tafsir bi al-ma'tsur, tafsir bi ar-ra'yi, dan tafsir bi al-isyari. – QISTINA: Jurnal Multidisiplin Indonesia 4(1): 859-867.